



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENGUASAAN AYAT MAJMUK BAHASA MELAYU  
DALAM KALANGAN PELAJAR PRAUNIVERSITI***

**ZURAKINTAN BINTI ABDUL RAZAK**

**FBMK 2014 72**



**PENGUASAAN AYAT MAJMUK  
BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR  
PRAUNIVERSITI**

**ZURAKINTAN BINTI ABDUL RAZAK**

**MASTER SASTERA  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2014**



**PENGUASAAN AYAT MAJMUK BAHASA MELAYU  
DALAM KALANGAN PELAJAR PRAUNIVERSITI**

Oleh

ZURAKINTAN BINTI ABDUL RAZAK



Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk  
Ijazah Master Sastera

November 2014

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta© Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai  
memenuhi keperluan untuk ijazah Sarjana Master Sastera

**PENGUASAAN AYAT MAJMUK BAHASA MELAYU  
DALAM KALANGAN PELAJAR PRAUNIVERSITI**

Oleh

**ZURAKINTAN BINTI ABDUL RAZAK**

**November 2014**


**Pengerusi:** Profesor Madya Che Ibrahim bin Salleh, PhD

**Fakulti:** Bahasa Moden dan Komunikasi

Bahasa Melayu selain dijadikan bahasa kebangsaan, juga turut memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan. Setiap pelajar diwajibkan mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu sejak peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat sekolah menengah. Hal ini bermakna, bahasa Melayu sewajarnya dipelajari dan dikuasai oleh pelbagai lapisan masyarakat, khususnya pelajar sekolah. Tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar hari ini seharusnya berada pada tahap yang baik dan membanggakan selari dengan matlamat kurikulum bahasa Melayu sekolah menengah.

Kajian ini berfokus kepada penguasaan ayat majmuk bahasa Melayu dalam kalangan pelajar prauniversiti. Objektif penyelidikan ini adalah untuk menentukan tahap penguasaan ayat majmuk bahasa Melayu dalam kalangan pelajar prauniversiti, menganalisis struktur ayat majmuk dalam penulisan karangan pelajar serta menghuraikan faktor kelemahan mereka dalam penguasaan ayat majmuk bahasa Melayu. Kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan data ialah melalui pendekatan kajian kepustakaan dan kajian lapangan dengan menggunakan instrumen ujian, soal selidik dan temu bual. Ujian tersebut pula terbahagi kepada dua, iaitu ujian pengesanan tahap penguasaan ayat majmuk bahasa Melayu dan penulisan karangan. Data yang dikumpulkan ini dianalisis secara deskriptif berdasarkan teori Transformasi Generatif. Setiap ayat yang mempunyai struktur dasar dan struktur permukaan dipaparkan dalam bentuk rajah pohon.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap penguasaan ayat majmuk bahasa Melayu yang sederhana dan lemah. Kebanyakan responden tidak menguasai konsep ayat majmuk dan jenisnya secara rinci. Hasil daripada analisis ayat majmuk dalam karangan, didapati bahawa terdapat 2383 ayat yang telah dihasilkan dan 60 peratus daripadanya ialah ayat majmuk, manakala 38.1 peratus merupakan ayat yang tidak gramatis. Kelemahan responden dalam pembinaan ayat majmuk adalah dari segi penggunaan kata hubung yang tidak tepat dan terdapatnya pelbagai kesalahan bahasa. Kelemahan dalam penguasaan ayat majmuk bahasa Melayu akan memberikan kesan ke atas pencapaian dan kecemerlangan pelajar. Perkara ini perlu ditangani agar dapat meningkatkan penguasaan bahasa, sekali gus mempermantap penggunaan bahasa Melayu yang betul dan tepat mengikut konteksnya.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment  
of the requirement for the degree of Master of Arts

**MASTERY OF COMPOUND SENTENCES IN THE MALAY LANGUAGE  
AMONG THE PREUNIVERSITY STUDENTS**

By

**ZURAKINTAN BINTI ABDUL RAZAK**

November 2014

**Chair:** Associate Professor Che Ibrahim bin Salleh, PhD

**Faculty:** Modern Languages and Communication

The Malay Language, apart from it being the National Language, also plays an important role in the educational field. It is compulsory for every student to learn the Malay Language from primary to secondary level. This means that the Malay Language should be learnt and reinforced in all strata of society, especially among the school students. The level of proficiency in the Malay Language among students nowadays should be at an admirable and fair level in tandem with the curriculum objective of the Malay Language in the secondary schools.

This research focuses on the mastery of the compound sentence in the Malay Language among preuniversity students. The objective of the research is to determine the level of mastery of compound sentences in the Malay Language among preuniversity students, analyse the structures of the compound sentences in students' essays as well as to explain the weakness factor in the mastering of compound sentences in the Malay Language. The method used in collecting the data is through library and field research using test instruments, questionnaires and interviews. The test was divided into two, which was a detector test on the level of mastery of compound sentences in the Malay Language and essay writing. The collected data was then analysed in a descriptive way using the Generative Transformation Theory. Every sentence that has basic and surface structures was shown in the form of a tree maps.

The findings from the research showed that the respondents possessed average and weak mastery of the compound sentence in the Malay Language. Most of the respondents did not master the concept of the compound sentence and its types in a detailed way. From the analyses of the compound sentences in the essays, it was found that 60 per cent of the 2383 sentences which were produced were compound sentences and 38.1 per cent were ungrammatical sentences. The weakness of the respondents in building compound sentences was shown in their use of inaccurate conjunctions and in other various wrong usage of the language. The weaknesses seen in the use of compound sentences in the Malay Language will affect students' achievement and excellence in the language were jeopardised. As such, this matter has to be rectified in order to increase the mastery of the language, at once reaffirming the use of the Malay Language in a right and accurate way according to context.

## PENGHARGAAN

Kepada Allah SWT saya panjatkan pujian dan kesyukuran atas segala anugerah dan nikmat-Nya kepada kita serta dengan izin dan inayat-Nya jualah kajian ini dapat disempurnakan. Banyak pihak yang telah membantu dalam proses menyempurnakan kajian ini. Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, khususnya Bahagian Tajaan Pendidikan kerana memberikan peluang kepada penulis melanjutkan pengajian pada peringkat sarjana.

Pada kesempatan ini, penulis turut menzahirkan rasa berterima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Che Ibrahim bin Salleh selaku penyelia dan Prof. Madya Dr. Zaitul Azma binti Zainon Hamzah selaku ahli jawatankuasa penyelia kerana telah banyak membimbing, memberikan dorongan dan bantuan nasihat sepanjang kajian ini dijalankan.

Sekalung budi dan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Selangor dan Sek.Men.Keb.Puchong kerana membenarkan penulis menjalankan kajian di sekolah. Kesediaan pihak sekolah yang diwakili oleh Pengetua, Penolong Kanan Pentadbiran dan Penolong Kanan Prauniversiti, guru dan pelajar amatlah dihargai dan semoga Allah SWT juga yang akan membalaunya. Ribuan terima kasih juga buat teman seperjuangan yang sentiasa membantu semasa susah mahupun senang dalam usaha menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman untuk merealisasikan impian di menara gading ini.

Setulus hati dan seikhlas kasih penulis tujukan buat suami tercinta, Wan Yusof bin Wan Sulong, anak yang dikasih Wan Nur Syazwani, Wan Nur Alia Izzati dan Wan Muhammad Iqbal yang sentiasa memberikan inspirasi dan dorongan serta memanjatkan doa yang berterusan untuk kejayaan ini. Semoga rahmat dan reda Allah terus memayungi kehidupan ini hingga ke jannah.

*Jazakallahu khairan kathiran,  
Zurakintan binti Abdul Razak.*

**PENGESAHAN**



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti yang berikut:

**Che Ibrahim bin Salleh, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Zaitul Azma bt Zainon Hamzah, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **PERAKUAN**

### **Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbas dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: 14 November 2014

Nama dan No. Matrik: Zurakintan Binti Abdul Razak, GS34370

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013 telah dipatuhi).

---

**CHE IBRAHIM BIN SALLEH, PhD**

Profesor Madya

Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan

---

**ZAITUL AZMA BINTI ZAINON HAMZAH, PhD**

Profesor Madya

Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

## ISI KANDUNGAN

	Halaman
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>BAB</b>	
<b>I PENDAHULUAN</b>	
Latar Belakang Kajian	1
Pernyataan Masalah	2
Persoalan Kajian	5
Objektif Kajian	6
Kepentingan Kajian	6
Batasan Kajian	7
Definisi Operasional	7
Penguasaan Ayat Majmuk	7
Bahasa Melayu	8
Pelajar Prauniversiti	8
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	
Pengenalan	9
Kajian Penguasaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar	9
Kajian Penguasaan Ayat Majmuk Bahasa Melayu dalam	
Kalangan Pelajar	14
Kajian tentang Penerapan Teori Transformasi Generatif	
dalam Analisis Teks	16
Perkaitan antara Kajian Terdahulu dengan Kajian Ini	18
Kesimpulan	20

### **3 METODOLOGI**

Pengenalan	21
Kerangka Teori	21
Kerangka Konsepsi	24
Kaedah Kajian	25
Instrumen Kajian	26
Tatacara Pengumpulan Data	26
Tempat Kajian	28
Pensampelan Kajian	29
Kaedah Penganalisisan Data	30
Pemarkahan Ujian Objektif	30
Analisis Statistik Deskriptif	31
Kesimpulan	32

### **4 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN**

Pengenalan	33
Pemaparan Data dan Analisis Dapatan Kajian	33
Tahap Penguasaan Ayat Majmuk dalam Kalangan Pelajar Prauniversiti	34
Penguasaan Konsep Ayat Majmuk	35
Penguasaan Ayat Majmuk Gabungan	38
Penguasaan Ayat Majmuk Pancangan	41
Penguasaan Ayat Majmuk Campuran	46
Struktur Ayat Majmuk dalam Penulisan Pelajar	47
Analisis Struktur Ayat Majmuk Gabungan	49
Analisis Struktur Ayat Majmuk Pancangan	56
Analisis Struktur Ayat Majmuk Campuran	70
Faktor Kelemahan Pelajar Prauniversiti dalam Penguasaan Ayat Majmuk	73
Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	79
Implikasi Dapatan Kajian	80
Kesimpulan	82

### **5 RUMUSAN DAN CADANGAN**

Rumusan	83
Cadangan	88

<b>BIBLIOGRAFI</b>	91
<b>LAMPIRAN</b>	
A : Ujian Objektif	97
B : Ujian Penulisan	101
C : Borang Soal Selidik	102
D : Abstraksi Pertanyaan	106
E : Dapatkan Melalui Rangkaian Perisian Atlas.Ti	107
F : Surat Kebenaran	110
G : Contoh Karangan Pelajar	113
<b>BIODATA PELAJAR</b>	117
<b>SENARAI PENERBITAN</b>	118



## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Halaman</b>
3.1 Keputusan Peperiksaan SPM Bahasa Melayu 2011	29
3.2 Interpretasi Skor Markah	30
4.1 Keputusan Ujian Pengesanan Tahap Penguasaan Ayat Majmuk	34
4.2 Konsep Kata Majmuk	36
4.3 Memahami Konsep Ayat Majmuk	37
4.4 Mengetahui Jenis Utama Ayat Majmuk	37
4.5 Membezakan Ayat Tunggal dengan Ayat Majmuk	38
4.6 Mengetahui Ayat Majmuk Gabungan	39
4.7 Mengetahui Fungsi Kata Hubung	40
4.8 Menggunakan Kata Hubung untuk Membentuk Ayat Majmuk	41
4.9 Menguasai Ayat Relatif	42
4.10 Menguasai Ayat Komplemen	43
4.11 Menguasai Ayat Keterangan	44
4.12 Menguasai Ayat Keterangan Harapan	45
4.13 Menguasai Ayat Majmuk Campuran	46
4.14 Ayat Keterangan	68
4.15 Tahap Pemahaman Ayat Majmuk	74
4.16 Peruntukan Masa untuk Pembelajaran Ayat Majmuk	75
4.17 Latihan Penulisan Karangan Membebankan	76
4.18 Teknik Pengajaran Guru	77
4.19 Kemudahan Mendapatkan Buku Rujukan	78

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Halaman</b>
3.1 Tatabahasa Model Generatif	23
3.2 Kerangka Konsepsi Kajian	24
4.1 Analisis Ujian Penulisan Karangan	47
4.2 Jenis Ayat Majmuk	48
4.3 Kekerapan Penggunaan Kata Hubung	50
4.4 Struktur Dasar Ayat Gabungan yang Mempunyai Subjek yang Sama	51
4.5 Struktur Permukaan Ayat Gabungan dengan Pengguguran Subjek yang Sama	52
4.6 Struktur Dasar Ayat Gabungan dengan Kata Hubung <i>dan</i> Menggunakan Predikat yang Sama	53
4.7 Struktur Permukaan Ayat Gabungan dengan Pengguguran Predikat yang Sama	53
4.8 Struktur Dasar Ayat Gabungan dengan Penggunaan Kata Hubung yang Serupa	54
4.9 Struktur Permukaan Ayat Gabungan dengan Pengguguran Kata Hubung yang Serupa	55
4.10 Ayat Majmuk Pancangan yang Dibina	56
4.11 Struktur Dasar Ayat Relatif sebagai Penerang FN Subjek	58
4.12 Struktur Permukaan Ayat Relatif sebagai Penerang FN Subjek	59
4.13 Struktur Dasar Ayat Relatif sebagai Penerang FN Objek	60
4.14 Struktur Permukaan Ayat Relatif sebagai Penerang FN Objek	61
4.15 Struktur Dasar Ayat Relatif sebagai Penerang Predikat	62
4.16 Struktur Permukaan Ayat Relatif sebagai Penerang Predikat	63
4.17 Struktur Dasar Ayat Komplemen FN Objek	65
4.18 Struktur Permukaan Ayat Komplemen FN Objek	66
4.19 Struktur Dasar Ayat Keterangan Tujuan	69
4.20 Struktur Permukaan Ayat Keterangan Tujuan	70
4.21 Cantuman Ayat Tunggal dengan Ayat Majmuk	71
4.22 Cantuman Ayat Majmuk yang terdiri daripada Deretan Berbagai-bagai Ayat Majmuk	73

## SENARAI SINGKATAN

{ }	sama ada
( )	pilihan
+	diikuti
→	ditulis semula sebagai
#	unsur yang digugurkan
A	ayat
Ā	ayat bertanda
Adj	adjektif
APel	ayat pelengkap
Bil	bilangan
BM	bahasa Melayu
dll	dan lain-lain
FAdj	frasa adjektif
FK	frasa kerja
FKet	frasa keterangan
FN	frasa nama
FPred	frasa predikat
FSN	frasa sendi nama
FS	frasa subjek
hlm	halaman
ICT	Information and Communications Technology (Teknologi Maklumat dan Komunikasi)
KB	kata bantu
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
Ket	keterangan
KH	kata hubung
KK	kata kerja
KKT	kata kerja transitif
KKTT	kata kerja tak transitif
KN	kata nama
KNafi	kata nafi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KS	kata sendi
KPeng	kata penguat
KPenegas	kata penegas
MPM	Majlis Peperiksaan Malaysia
N	nama
Obj	objek
Pel	pelengkap
pen	penerang
P	predikat
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PMR	Penilaian Menengah Rendah
Rel	relatif

RSF	rumus struktur frasa
S	subjek
SD	struktur dalaman
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMS	khidmat pesanan ringkas
SP	struktur permukaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
TG	Transformasi Generatif



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### Latar Belakang Kajian

Bahasa Melayu (BM) ialah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara kita Malaysia seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (sekarang Malaysia) di bawah perkara 152 (1) mengikut peruntukan undang-undang oleh Parlimen. Termeterainya BM sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, membolehkan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik serta berbeza budaya, agama, bahasa cuba disatukan melalui satu bahasa, iaitu BM (Talinah dan Norazlina, 2010:60). Penggunaan BM yang dipertuturkan secara meluas bukan sahaja oleh penduduk Malaysia, tetapi juga oleh kaum lain yang tinggal di negara ini menjadikan bahasa ini sangat penting dan mampu diangkat ke tahap antarabangsa suatu hari nanti.

Menyedari akan kepentingan BM sebagai bahasa rasmi negara, bahasa perpaduan, dan alat komunikasi yang utama dalam kalangan rakyat Malaysia, pelajar seharusnya menguasai bahasa ini dengan sebaiknya sebagaimana yang dihasratkan melalui Penyata Razak (1956). Penyata ini antara lain menyebutkan hasrat untuk "...menubuhkan suatu peraturan pelajaran kebangsaan...", dan tujuannya ialah:

...menyatukan budak-budak daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar (utama), walaupun perkara ini tiada dapat dilaksanakan dengan serta merta melainkan diperbuat dengan beransur.

(Penyata Razak 1956 dalam Abdullah Hassan, 2009:3)

Bersesuaian dengan kedudukan BM sebagai bahasa pengantar pada semua peringkat persekolahan dan pusat pengajian tinggi, maka para pelajar hendaklah menguasai bahasa ini dengan cara meningkatkan penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur, membaca, dan menulis seperti yang digariskan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Pelaksanaan KBSM ini adalah untuk membolehkan pelajar menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dalam BM sesuai dengan fungsi BM sebagai bahasa perpaduan rakyat, bahasa perhubungan utama, bahasa ilmu pengetahuan dan bahasa pencerminan akal budi rakyat (Kamarudin, 1994:9). Melalui sukatan pelajaran yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebenarnya terdapat pelbagai aktiviti yang meliputi kemahiran bahasa yang telah diaplikasikan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah. Oleh itu, pelajar seharusnya sudah dapat menguasai kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis seperti

yang dihasratkan melalui pelaksanaan KBSM itu sendiri. Perkara ini diperkuuh dengan pengalaman pembelajaran pelajar yang sebelum melangkah ke sekolah menengah, mereka telah melalui proses pembelajaran selama enam tahun pada peringkat sekolah rendah.

Sejak peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat sekolah menengah, setiap pelajar diwajibkan mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu tidak kiralah sama ada mereka bersekolah di sekolah bantuan penuh kerajaan ataupun di sekolah jenis kebangsaan Cina atau Tamil. Hal ini bermakna tahap penguasaan BM pelajar hari ini seharusnya berada pada tahap yang baik dan membanggakan selari dengan matlamat kurikulum BM sekolah menengah yang telah digariskan oleh KPM dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu KBSM, iaitu untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri dalam bidang pendidikan, pekerjaan, dan urusan harian (Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, 2003:2).

Pada peringkat menengah atas, iaitu prauniversiti, Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) pula telah menggubal semula Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu dan mulai digunakan bagi sesi 2012/2013 dengan menyenaraikan tiga matlamat, iaitu:

- a) melahirkan pelajar yang dapat berbahasa Melayu dengan cekap dan berupaya untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi;
- b) menghasilkan lulusan bahasa Melayu yang berdaya saing dan dapat memenuhi keperluan pasaran kerja;
- c) mengukuhkan rasa sayang akan bahasa Melayu dan berbangga menggunakananya.

(Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu STPM, 2012:1)

Berdasarkan matlamat tersebut kita perlu menyedari bahawa BM sangat penting dan perlu dikuasai oleh setiap pelajar. Walau bagaimanapun, situasi sebenar yang berlaku adalah sebaliknya. Hal ini dikatakan demikian kerana BM yang sudah bertahun-tahun dijadikan sebagai bahasa pengantar di sekolah, sekali gus sebagai mata pelajaran wajib masih gagal dikuasai oleh pelajar dengan baik. Hakikatnya, penguasaan BM, sama ada dalam peperiksaan atau komunikasi sosial, memperlihatkan banyak kelemahan dan kecelaruan, walaupun negara telah lama mencapai kemerdekaan dan BM telah lama dinobatkan sebagai bahasa rasmi (Nor Hashimah, Junaini dan Mustaffa, 2013:48).

Menyedari hakikat bahawa tahap penguasaan BM dalam kalangan pelajar menengah atas ini masih berterusan dan berlakunya kemerosotan dari segi pencapaian dalam peperiksaan, maka kajian ini dilakukan dengan memberikan fokus kepada penguasaan ayat BM.

## **Pernyataan Masalah**

Walaupun mata pelajaran Bahasa Melayu ini menjadi mata pelajaran wajib dan syarat lulus bagi peperiksaan peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), namun

didapati bahawa masih terdapat kelemahan dalam kalangan pelajar, terutamanya yang berkaitan dengan penguasaan BM itu sendiri. Pelajar yang telah lulus peringkat SPM dan menyambung pelajaran pada peringkat prauniversiti (tingkatan enam) sepatutnya telah dapat menguasai BM dengan lebih baik. Walau bagaimanapun, keputusan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) didapati masih rendah dan tidak begitu membanggakan. Hal ini dikatakan demikian berdasarkan laporan peperiksaan yang dikeluarkan oleh MPM. Laporan peperiksaan sepanjang lima tahun bermula dari 2008 hingga 2012 menunjukkan prestasi yang agak sederhana sahaja. Didapati bahawa masih terdapat kelemahan dalam kalangan pelajar dalam menguasai BM seperti yang dilaporkan oleh MPM dalam Laporan Peperiksaan STPM & MUET sejak 2008 hingga 2012.

Analisis keputusan peperiksaan STPM 2009 bagi mata pelajaran Bahasa Melayu mencatatkan peratusan lulus penuh, iaitu 75.08 peratus berbanding dengan 2008, iaitu 76.00 peratus. Pencapaian calon dianggap tidak berubah prestasinya kerana beza peratusan calon yang lulus penuh antara 2009 dengan 2008 kurang daripada 2 peratus (MPM, 2009:69). Pada 2010, peratusan calon yang lulus penuh ialah 75.22 peratus. Prestasi mata pelajaran ini juga dianggap tidak berubah dengan beza peratus lulus ialah sebanyak 0.14 peratus dengan tahun sebelumnya (MPM, 2010:99). Sementara itu, peratusan calon yang lulus penuh pada 2011 ialah sebanyak 74.58 peratus, iaitu menurun sebanyak 0.64 peratus berbanding dengan 2010. Peratusan calon yang lulus penuh pada 2011 ialah sebanyak 75.58, iaitu menurun sebanyak 0.64 peratus berbanding dengan 2010 (MPM, 2011:8). Tahun 2012 juga mencatatkan pencapaian yang tidak memberangsangkan kerana tidak berubah prestasinya. Peratusan calon yang lulus penuh bagi tahun ini ialah sebanyak 74.28 peratus (MPM, 2012:122). Lebih membimbangkan lagi, berdasarkan Analisis Keputusan Peperiksaan STPM 2010, peratusan gagal bagi mata pelajaran Bahasa Melayu meningkat daripada 7.75 peratus pada 2009 kepada 8.01 peratus pada 2010 (MPM, 2010:98). Peningkatan peratusan gagal ini berlanjutan bagi tahun seterusnya, iaitu daripada 7.40 peratus pada 2011 kepada 7.68 peratus pada 2012 (MPM, 2012:121). Secara keseluruhannya, laporan ini jelas menunjukkan bahawa wujudnya kelemahan pelajar dalam menguasai BM peringkat STPM. Hal ini bertepatan dengan pernyataan Omar (1978:460-461) bahawa kemerosotan pencapaian pelajar dalam peperiksaan sama ada pada peringkat SPM atau STPM dikaitkan dengan kemerosotan pelajar dalam menguasai mata pelajaran Bahasa Melayu.

Sehingga hari ini, penggunaan BM sudah begitu meluas dan penekanannya amat dititikberatkan sama ada di dalam bilik darjah ataupun untuk sebarang aktiviti di luar bilik darjah (aktiviti kokurikulum). Hakikat yang sebenarnya, masih terdapat banyak aspek tatabahasa dan penguasaan bahasa yang gagal dikuasai oleh pelajar dengan baik. Buktinya, laporan akhbar yang bertarikh 25 April 2011 ada mengulas kenyataan Profesor Datuk Dr. Firdaus Abdullah (Mantan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka) yang meminta pihak kerajaan mengkaji punca kemerosotan penguasaan BM dalam kalangan pelajar dan masyarakat meskipun bahasa ini merupakan bahasa kebangsaan. Menurut beliau lagi, terdapat sebahagian masyarakat bukan sahaja gagal menguasai BM, malah mereka tidak menghargai bahasa itu

meskipun lahir, hidup dan dibesarkan di Malaysia. Mereka lebih ter dorong menggunakan bahasa lain seperti bahasa Inggeris hingga menyebabkan penguasaan BM semakin terhakis dari hari ke hari.

Sebenarnya, perkara ini sentiasa menjadi bahan perbincangan ahli akademik serta pengkaji bahasa. Terdapat beberapa kajian telah dijalankan yang menyentuh aspek kelemahan penguasaan BM dalam kalangan pelajar baik pada peringkat menengah rendah, menengah atas termasuklah pada peringkat STPM, mahupun pada peringkat pengajian tinggi.

Kelemahan pelajar menguasai BM sama ada peringkat menengah rendah mahupun peringkat menengah atas telah mendorong pengkaji bahasa untuk melakukan kajian yang lebih rinci, terutamanya perkara yang berkaitan dengan aspek tatabahasa, morfologi dan sintaksis. Antaranya ialah Abdul Hamid (1990:243) yang telah menjalankan kajian terhadap pelajar sekolah menengah dan hasil kajiannya menunjukkan bahawa mereka melakukan kesalahan penggunaan BM melalui kesalahan imbuhan, frasa, klausa dan ayat. Tambahnya lagi, penguasaan bahasa bererti keupayaan seseorang menguasai aspek seperti aspek sebutan, ejaan, istilah, kosa kata, dan tatabahasa. Apabila dilihat dalam konteks pelajar di sekolah, didapati bahawa sebilangan besar pelajar menghadapi pelbagai masalah dalam menguasai BM. Berhubung dengan hal ini, kajian telah dilakukan ke atas pelajar yang mengambil peperiksaan SPM dan STPM serta pelajar kelas persediaan (matrikulasi). Berdasarkan skrip jawapan dan ujian lisan yang didapati daripada pelajar tersebut, beberapa masalah ketatabahasaan dalam penguasaan BM telah dikenal pasti dihadapi oleh mereka. Selain itu, kajian yang telah dibuat oleh Md. Daud (1992) mendapati bahawa kesalahan ayat yang dilakukan oleh pelajar dalam penulisan karangan ialah jenis ayat tidak betul susunannya (33.1 peratus), ayat tidak lengkap atau tergantung (35.8 peratus) dan ayat yang berbelit-belit (17.3 peratus). Melalui kajian ini juga didapati bahawa pelajar turut melakukan kesalahan ayat yang dipengaruhi oleh struktur binaan ayat bahasa Inggeris (10.8 peratus) dan ayat yang mirip bahasa lisan (3.0 peratus).

Menurut Awang Sariyan (1980:3), penggunaan BM pada peringkat kemahiran tulisan, banyak kesalahan yang dapat dikesan; daripada kesalahan ejaan hinggalah kepada masalah kesalahan morfologi-sintaksis. Pelajar masih tidak dapat menguasai bahasa, terutamanya aspek tatabahasa yang merangkumi morfologi dan sintaksis. Dalam sistem pendidikan di negara kita Malaysia, kebiasaannya tahap penguasaan bahasa pelajar dapat diukur dalam sesuatu peperiksaan dan hal ini sangat berkait rapat dengan pencapaian berdasarkan keputusan peperiksaan tersebut. Sementara itu menurut Jalani (2011:3), pelajar yang dapat menguasai aspek bahasa maka pencapaian mereka dalam peperiksaan akan meningkat, manakala pelajar yang mendapat pencapaian rendah tidak dapat menguasai aspek bahasa walaupun sudah mempelajari BM sejak di sekolah rendah lagi.

Abdul Rashid (2010) melalui kajiannya yang bertajuk “Tahap Penguasaan Tatabahasa Bahasa Melayu Pelajar Sebelum ke Menara Gading” telah menyenaraikan aspek kesalahan bahasa yang dilakukan oleh responden yang terdiri daripada pelajar Tingkatan Enam Atas. Antara kekerapan kesalahan tatabahasa

pelajar yang paling banyak dilakukan oleh pelajar ialah kesalahan morfologi, diikuti ejaan, imbuhan, dan frasa. Aspek kesalahan tatabahasa dari segi sintaksis turut dilakukan dengan bilangan kekerapan 149 atau 0.4 perindividu daripada 2708 kesalahan bahasa yang dilakukan oleh responden. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar masih melakukan kesalahan bahasa yang ketara termasuklah dari segi penguasaan ayat yang masih lemah.

Selain itu, kajian yang telah dibuat oleh Zaharani dan Fazal Mohamed (2010) yang bertajuk “Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Remaja Malaysia: Analisis Aspek Tatabahasa”. Beliau mengkaji tahap penguasaan BM remaja Malaysia dari segi tatabahasa yang meliputi aspek pengimbuhan, pilihan kata dan ejaan. Hasil dapatan kajian tersebut menjelaskan bahawa tahap penguasaan remaja Malaysia dalam aspek membina ayat adalah memuaskan (74.8 peratus). Walau bagaimanapun, penguasaan pelajar dalam aspek analisis kesalahan yang melibatkan imbuhan dan ejaan (59.6 peratus) dan pilihan kata (64.1 peratus) berada pada tahap kurang memuaskan. Menurut beliau lagi, biarpun tahap penguasaan pelajar memuaskan dalam aspek membina ayat, namun terdapat soalan yang tidak boleh dikuasai dan tahap penguasaan mereka kurang memuaskan. Pelajar juga tidak dapat menguasai sistem ejaan dan analisis pilihan kata dengan baik. Hal ini berpunca daripada kekeliruan mereka antara maklumat linguistik dengan maklumat pragmatik dan antara nahu preskriptif yang diajar di sekolah dengan nahu praktis yang diamalkan di luar sekolah.

Walaupun terdapat banyak kajian yang telah dijalankan berkaitan penguasaan BM dalam kalangan pelajar sama ada di peringkat sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi, namun kajian tersebut lebih bersifat umum kepada kemahiran berbahasa dan penguasaan tatabahasa tetapi tidak menjurus atau berfokus kepada penguasaan ayat majmuk secara khusus.

Kelemahan pelajar dalam menguasai ayat BM ini telah mendorong pengkaji untuk terus menyelami punca permasalahan ini dan satu kajian atau penyelidikan perlu dibuat memandangkan tahap penguasaan mereka masih pada tahap yang belum membanggakan dan perlu dicari jalan penyelesaiannya. Melalui penyelidikan ini, pengkaji berharap agar dapat melihat tahap pencapaian sebenar pelajar dalam peperiksaan SPM selepas melalui fasa SPM bagi mata pelajaran Bahasa Melayu.

## **Persoalan Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis penguasaan ayat bahasa Melayu dalam kalangan pelajar, terutamanya dari aspek ayat majmuk bahasa Melayu. Persoalan kajian yang berkaitan dengan tajuk kajian ini ialah:

1. Sejauh manakah penguasaan pelajar prauniversiti berkaitan ayat majmuk bahasa Melayu?
2. Apakah bentuk ayat majmuk yang digunakan dalam kalangan pelajar prauniversiti?

3. Apakah faktor kelemahan pelajar dalam menguasai ayat majmuk dalam bahasa Melayu?

## **Objektif Kajian**

Kajian ini mengemukakan tiga objektif utama, iaitu;

1. mengenal pasti tahap penguasaan ayat majmuk dalam kalangan pelajar prauniversiti
2. menganalisis struktur ayat majmuk dalam penulisan pelajar
3. menghuraikan faktor kelemahan pelajar prauniversiti dalam penguasaan ayat majmuk

## **Kepentingan Kajian**

Kajian yang akan dijalankan oleh penyelidik ini tertumpu kepada penguasaan ayat BM dalam kalangan pelajar menengah atas, khususnya pelajar prauniversiti. Antara kepentingan kajian ini dijalankan adalah untuk memfokuskan analisis ayat majmuk dalam penulisan karangan pelajar, terutamanya dari aspek bentuk majmuk dalam BM. Pengkaji juga ingin melihat tahap penguasaan bahasa pelajar dan melalui dapatan ini dapat memberikan gambaran sebenar tentang penguasaan pelajar prauniversiti dalam ayat majmuk BM melalui penulisan mereka. Hal ini dianggap penting kerana kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran yang menjadi objektif pembelajaran BM seperti yang digariskan oleh MPM pada peringkat SPM. Menyedari akan hakikat ini, pengkaji berkeyakinan bahawa kajian ini penting untuk merungkai permasalahan yang wujud dalam penguasaan bahasa pelajar dari ruang lingkup yang lebih kecil, iaitu penguasaan ayat yang mendasari keseluruhan kemahiran menulis mereka.

Selain itu, kajian ini diharapkan akan dapat membantu guru bahasa dalam merancang strategi pengajaran dan pembelajaran dengan lebih baik dan berkesan. Melalui hasil dapatan kajian ini, pengkaji berharap agar dapat juga membantu guru untuk mengenal pasti akan aspek kelemahan dan cara yang boleh digunakan untuk mengatasi kelemahan pelajar dalam menghasilkan bahasa yang baik dan sempurna dari sudut sintaksis ayat majmuk BM. Penerapan konsep yang terdapat dalam teori Transformasi Generatif (TG) yang menjadi kerangka teori dalam kajian ini dapat diaplikasikan oleh guru bahasa dalam pengajaran di sekolah. Terdapat tiga aspek utama teori TG yang dapat digunakan dalam pengajaran BM, iaitu rumus struktur frasa, rumus struktur sintaksis, dan rumus struktur fonologi (Samsudin, 1994:263). Menurut beliau lagi, pada peringkat pengajaran BM di sekolah menengah rendah dan menengah atas, hanya rumus struktur frasa dan rumus struktur sintaksis yang difikirkan sesuai untuk diaplikasikan. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa teori ini amat sesuai digunakan dalam pengajaran BM kerana dapat dijadikan bahan kreatif dalam penggunaan bahasa yang tidak terjumlah banyaknya itu. Penerapan teori TG juga selaras dengan aliran kognitif teori pembelajaran dan pemerolehan bahasa kanak-kanak (Samsudin, 1994:268).

Dalam konteks kajian ini, aspek penguasaan ayat BM sebagai sebahagian daripada kemahiran menulis pelajar sering menimbulkan masalah bukan sahaja kepada pelajar menengah rendah, malah kepada pelajar peringkat menengah atas, iaitu prauniversiti. Dalam dunia yang serba canggih dan pelbagai maklumat boleh didapati tanpa batasan, kebanyakan pelajar kian terdedah dengan kemelut penggunaan bahasa yang cacamarba termasuklah bahasa rojak, bahasa khidmat pesanan ringkas (SMS) dan slanga yang semakin berleluasa dan jelas tergambar daripada pertuturan dan ungkapan mereka. Senario ini secara tidak langsung boleh menjadi faktor yang menyumbang kepada kemerosotan penguasaan pelajar dalam BM. Penyataan ini dikukuhkan lagi dengan laporan prestasi peperiksaan umum dan kajian yang lalu bahawa tahap penguasaan BM dalam kalangan pelajar di negara ini semakin membimbangkan kerana mutunya kian merudum. Oleh itu, dapatan kajian ini diharapkan dapat dijadikan maklumat asas kepada pihak tertentu, terutamanya pihak yang terlibat dengan pendidikan di KPM mahupun MPM dalam rangka program untuk mengatasi kelemahan mereka dan sekali gus dapat meningkatkan penggunaan BM dalam kalangan pelajar, khususnya pelajar prauniversiti yang bakal melangkah ke menara gading. Penguasaan BM yang diperkuuh pada peringkat awal lagi akan mempengaruhi kebolehan mereka berbahasa pada peringkat yang lebih tinggi. Hal ini selaras dengan matlamat kurikulum BM untuk melengkapkan pelajar dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri dalam bidang pendidikan, pekerjaan, dan urusan harian. Akhir sekali, hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi bahan rujukan kepada para penyelidik lain yang berminat untuk mengkaji penguasaan BM pelajar di sekolah.

### **Batasan Kajian**

Dalam kajian ini, pengkaji hanya mengkaji penguasaan ayat BM dalam kalangan pelajar menengah atas, iaitu pelajar prauniversiti. Aspek yang diberikan penekanan ialah bentuk ayat majmuk dalam BM. Pengukuran penguasaan BM ini dilakukan dengan melihat pencapaian pelajar dalam ujian objektif dan ujian penulisan karangan.

### **Definisi Operasional**

Bagi kajian ini, terdapat beberapa penggunaan istilah yang perlu diperjelas dengan lebih lanjut untuk melengkapkan kajian.

### **Penguasaan Ayat Majmuk**

Penguasaan bermaksud perihal menguasai atau menguasakan. Dalam konteks kajian ini, penguasaan ayat bermaksud proses dan kemampuan pelajar menguasai ayat majmuk yang mencakupi kepanjangannya, ketepatan kata, menggunakan kata dalam ayat itu untuk secara teratur dari segi tatabahasanya serta dapat menyatakan sesuatu buah fikiran dengan tepat. Ayat majmuk BM yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah gabungan dua ayat tunggal atau pun lebih, dengan melalui cara tertentu serta menepati hukum tatabahasa BM.

Dalam kajian ini, pelajar dapat menguasai dan membentuk sintaksis dengan struktur yang rapi. Penguasaan pelajar menguasai ayat majmuk BM dalam kajian ini diukur dengan menggunakan skor markah yang diguna pakai oleh MPM. Tahap penguasaan mereka boleh diukur berdasarkan kategori atau markah yang diperoleh daripada ujian objektif dan peratusan kegramatisan ayat majmuk dalam ujian penulisan karangan yang dijalankan.

## **Bahasa Melayu**

Istilah bahasa Melayu merujuk kepada bahasa ibunda atau bahasa pertama kepada orang berketurunan Melayu yang kebanyakannya tinggal di Semenanjung Malaysia. BM termaktub sebagai bahasa kebangsaan Malaysia, bahasa rasmi, bahasa pengantar utama, dan merupakan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari pada peringkat sekolah rendah hingga sekolah menengah. Dalam konteks kajian ini, BM merupakan mata pelajaran yang diwajibkan kepada pelajar pada semua peringkat persekolahan formal, iaitu dari sekolah rendah hingga tingkatan lima sekolah menengah, manakala pada peringkat menengah atas (prauniversiti), BM merupakan mata pelajaran elektif sahaja.

## **Pelajar Prauniversiti**

Perkataan “prauniversiti” dahulunya dikenali sebagai tingkatan enam. Melalui transformasi pendidikan yang dilakukan oleh KPM, pendidikan tingkatan enam telah dijenamakan semula untuk meningkatkan imejnya sejajar dengan sistem pendidikan prauniversiti seperti di kolej matrikulasi Kementerian Pendidikan dan pusat asasi sains anjuran universiti awam tempatan.

Pelajar prauniversiti terbahagi kepada dua, iaitu terdiri daripada pelajar sekolah yang berada pada peringkat menengah atas selepas tingkatan lima dan pelajar matrikulasi yang berada di kolej matrikulasi dan pusat asasi sains. Dalam konteks kajian ini, pelajar prauniversiti yang dimaksudkan ialah mereka yang sedang mengikuti pembelajaran formal di sekolah atau dahulunya dikenali sebagai tingkatan enam. Tempoh masa persekolahan pelajar prauniversiti ialah setahun setengah dan terbahagi kepada tiga semester pengajian. Pelajar prauniversiti ini biasanya berusia 18 dan 19 tahun dan telah melalui tahap kematangan yang tertentu dari segi tingkah laku, khususnya yang berkaitan kesan dan gaya pembelajaran yang lebih berbentuk tutorial dan kuliah seperti di pusat matrikulasi dan universiti.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Hamid Mahmood. (1990). Penguasaan Bahasa Malaysia Baku di Kalangan Pelajar-pelajar. *Dewan Bahasa*, April 1990.
- Abdul Hamid Mahmood. (1997). *Guru dan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Media Printext (M) Sdn. Bhd.
- Abdul Hamid Mahmood. (2003). *Ayat Majmuk Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdullah Hassan. (2006). *Dasar dan Pelaksanaan Bahasa Malaysia di Pusat Pengajian Tinggi*. Kertas Kerja di Seminar Pelaksanaan Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pengantar di Institusi Pengajian Tinggi, Universiti Sains Malaysia, Februari 1983.
- Abdullah Hassan. (2009). *Morfologi: Siri pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Abdullah Rahman Abdul Rashid et al. (1997). *Pengajian Melayu 1*. Petaling Jaya: Longman.
- Abdul Rashid Daing Melebek. (2010). Tahap Penguasaan Tatabahasa Bahasa Melayu Pelajar Sebelum ke Menara Gading. Dimuat turun pada 23 Disember 2011 dari [www.scribd.com/doc/41039128/jadual-kesalahan-tbahasa](http://www.scribd.com/doc/41039128/jadual-kesalahan-tbahasa)
- Arbak Othman. (1984). *Tatabahasa Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana Sdn.
- Arbak Othman. (1989). *Nahu Bahasa Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Arockiamary Savarimuthu. (1992). *Ayat Majmuk dalam Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arpah Abdul Rashid. (2010). Penguasaan dan Struktur Ayat Majmuk Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Singapura. Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir Edisi Kelima*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Mohamad Amin. (1982). Satu Kajian Kesalahan Umum Penggunaan Bahasa Malaysia Peringkat Sekolah Menengah. Tesis Master Sains. Fakulti Pengajian Pendidikan. Universiti Pertanian Malaysia.
- Awang Sariyan. (1980). *Isu-isu Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Awang Sariyan. (1983). *Kesalahan Umum Penggunaan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana (M) Sdn.Bhd.

Awang Sariyan. (1984). *Kesalahan Umum Penggunaan Bahasa Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Sariyan. (2009). *Sintaksis Bahasa Melayu Bersumberkan Karya Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bernama. (2012). Pendidikan tingkatan enam akan lalui penjenamaan semula: Muhyiddin. *Berita Harian*, 5 Julai: 16.

Chomsky, N. (1957). *Syntactic Structures*. The Hague: Mouton.

Chomsky, N. (1965). *Aspects of the Theory of Syntax*. Cambridge: MIT Press.

Hashim Musa. (1984). *Asas Nahu Bahasa Melayu*. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya: Penerbitan Berkala.

Hashim Musa. (1993). *Binaan dan Fungsi Perkataan dalam Bahasa Melayu: Suatu Huraian dari Sudut Tatabahasa Generatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hashim Othman. (2003). *Kemahiran Menulis: Perspektif Komunikatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibrahim Haji Salleh. (2003). Ayat Majmuk Bahasa Melayu dalam Tuhfat Al-Nafis. Tesis Ph.D, Universiti Putra Malaysia.

Jalani Idris. (2011). Tahap Penguasaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Cina: Satu Kajian. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Johnson, Donna M. (1992). *Approaches to Research in Second Language Learning*. New York : Longman.

Kaji Punca Kemerosotan Penguasaan Bahasa  
[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0426&sec=Parlimen&pg=pa\\_06.htm#ixzz2NIMr9512](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0426&sec=Parlimen&pg=pa_06.htm#ixzz2NIMr9512) [dimuat turun pada 30 April 2011].

Kamarudin Hj. Husin. (1994). *KBSM dan Strategi Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Kamus Dewan (*edisi keempat*). (2007). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (1981). *Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Laporan Peperiksaan STPM & MUET 2012.Telah dimuat turun pada 24 Disember 2013, dari [www.mpm.edu.my/laporan-peperiksaan-stpm-dan-muet-2012](http://www.mpm.edu.my/laporan-peperiksaan-stpm-dan-muet-2012).

Laporan Peperiksaan STPM & MUET 2011.Telah dimuat turun pada 2 Januari 2013, dari [www.mpm.edu.my/laporan-peperiksaan-stpm-dan-muet-2011](http://www.mpm.edu.my/laporan-peperiksaan-stpm-dan-muet-2011).

Laporan Peperiksaan STPM & MUET 2010.Telah dimuat turun pada 2 Januari 2013, dari [www.mpm.edu.my/laporan-peperiksaan-stpm-dan-muet-2010](http://www.mpm.edu.my/laporan-peperiksaan-stpm-dan-muet-2010).

Laporan Peperiksaan STPM & MUET 2009.Telah dimuat turun pada 2 Januari 2013, dari [www.mpm.edu.my/laporan-peperiksaan-stpm-dan-muet-2009](http://www.mpm.edu.my/laporan-peperiksaan-stpm-dan-muet-2009).

Laporan Peperiksaan STPM & MUET 2008.Telah dimuat turun pada 2 Januari 2013, dari [www.mpm.edu.my/laporan-peperiksaan-stpm-dan-muet-2008](http://www.mpm.edu.my/laporan-peperiksaan-stpm-dan-muet-2008).

Lee Kim Hong. (2005). Pengajaran dan Pembelajaran Sastera dalam Sukatan Pelajaran Pengajian Cina KDPM. Telah dimuat turun pada 13 Januari 2014, dari <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/seminarpapers/2005/leeMPRM>.

Liew Siew Lin, Yahya Othman, dan Abdul Rasid Jamian. (2003). Kesalahan Bahasa dalam Karangan Pelajar Cina Sekolah Menengah. *Jurnal Bahasa*. Jilid 3(2): 206-225.

Marzukhi Nyak Abdullah. (1997). *Kamus Tatabahasa Bahasa Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.

Mason, J. (2002). *Qualitative Researching*. London: Sage Publication Ltd.

Md. Daud Taha. (1992). Masalah Penguasaan Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Melayu di Tingkatan Menengah Atas di Negara Brunei Darussalam. Tesis Master. Fakulti Pengajian Pendidikan: Universiti Pertanian Malaysia.

Mohamad Hj.Abdul Rahman. (2000). Analisis Kesilapan Tatabahasa dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Tingkatan Lima. Tesis Master. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

Mohd. Majid Konting. (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mok Soon Sang. (2009). *Literatur dan Kaedah Penyelidikan*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Mok Soon Sang & Lee, Shok Mee. (1988). *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

- Nik Hassan Basri Nik Ab.Kadir. (2005). *Teori Bahasa:Implikasinya Terhadap Pengajaran Tatabahasa*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Safiah Karim et al. (2010). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim (Penyusun). (1988). *Linguistik Transformasi Generatif: Suatu Penerapan pada Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Ein Mohd.Noor & Zaiton Ab.Rahman. (1994). *Tatabahasa Transformasi: Andrew Radford*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Nor Hashimah Jalaluddin (Penyunting). (2013). *Penguasaan Bahasa Melayu Remaja Sabah dan Sarawak*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2004). Sosiokognitif dan Penguasaan Pragmatik Bahasa Melayu Remaja Malaysia: Kupasan Ilmiah. *Jurnal Linguistik Jilid 10 (Edisi Khas)*,1-21.
- Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2010). Penguasaan Bahasa Melayu oleh Pelajar Melayu dalam Arus Globalisasi. *Jurnal Bahasa Jilid 4 Bil. 2004*: 63-95.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan, dan Mustaffa Omar. (2013). Sikap, Persepsi dan Persekutaran Remaja Borneo terhadap Bahasa Melayu. Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin (ed.). *Penguasaan Bahasa Melayu Remaja Sabah dan Sarawak*. Hlm 42-65. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Omar Mohd Hashim. (1978). Kemerosotan Bahasa Malaysia dalam Peperiksaan SPM 1977. *Dewan Bahasa*. Jilid 22, Bil 7. Hlm.460-461.
- Othman Lebar. (2012). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman Mohamed. (2001). *Penulisan Tesis dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Othman Talib. (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan dan Statistik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Pendidikan Tingkatan Enam akan Lalui Penjenamaan Semula: Muhyiddin. 5.7.2012  
[http://www.bharian.com.my/articles/Pendidikan\\_tingkatan\\_enam\\_akan\\_lalui\\_penjenamaan\\_semula\\_Muhyiddin/Article/](http://www.bharian.com.my/articles/Pendidikan_tingkatan_enam_akan_lalui_penjenamaan_semula_Muhyiddin/Article/) [dimuat turun pada 9 Mei 2013].

- Ramli Md. Salleh et al. (2000). Penguasaan Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Rendah: Kajian di Sekolah-sekolah Rancangan Felda Negeri Sembilan. Penyelidikan Fakulti M/3/98. Bangi:Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohana Yusof. (2003). *Penyelidikan Sains Sosial*. Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Rosmawati Taridi. (2008). Penguasaan Penulisan Karangan Bahasa Melayu dari Perspektif Komunikasi. Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia.
- Samsudin Ahmad. (1994). Teori Transformasi Generatif dalam Pengajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*. Jilid 38(1-6): 261- 268.
- Sanat Md. Nasir. (1985). *Ayat Komplemen Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sato Hirobumi @ Rahmat Sorayaernie Hj. Mornie. (1999). Konsep Penerbitan Ayat Majmuk dalam Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*. Jilid 43 Bil.11 hlm.980-990. November 1999.
- Sidek Mohd. Noah. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan, Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sidi Gazalba. (1981). *Pembimbing Latihan Ilmiah dan Tesis*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Simanjuntak, Mangantar. (1987). *Pengantar Psikolinguistik Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu. (2003). Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Sukatan Pelajaran dan Kertas Soalan Contoh (Bahasa Melayu STPM). (2012). Kuala Lumpur : Majlis Peperiksaan Malaysia.
- Sulaiman Masri. (2005). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (esei, proposal, tesis)*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributions.
- Talinah Jeman dan Norazlina Kiram. (2010). “Pemerksaan Bahasa Melayu sebagai Pembina Negara Bangsa” dlm. *Bahasa dan Budaya Melayu dalam Konteks Negara Bangsa*. Kumpulan Kertas Kerja Seminar Pengajaran Bahasa Melayu ke-3, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Yahya Sidek. (1998). Penguasaan Ayat Majmuk Campuran di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan: Satu Kajian Kes. Tesis Sarjana,Universiti Malaya.

Zaharani Ahmad dan Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2010). Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Remaja Malaysia:Analisis Aspek Tatabahasa. *Jurnal Linguistik* Jilid 10 (Edisi Khas),48-61.

Zulkifley Hamid, Karim Harun dan Sa'adiah Ma'alip. (2000). Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama dan Bahasa Kedua. *Jurnal Dewan Bahasa* (5): 304-321.

